

Ruj. Kami : (8) dlm.MDA.100-1/7/
Tarikh : 14 Disember 2023

EDARAN KEPADA YANG BERKENAAN

SURAT PEKELILING PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN BIL. 2 TAHUN 2023

PELAKSANAAN KEMUDAHAN PEMAKAIAN SANTAI HARI JUMAAT "CASUAL FRIDAY OUTFIT" DI PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN (MDA)

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan mengenai keputusan MDA untuk melaksanakan kemudahan Pemakaian Santai Hari Jumaat atau *Casual Friday Outfit* (CFO) bagi menggantikan pemakaian formal di MDA;
- 1.2 Penampilan pegawai ketika bekerja di dalam atau luar pejabat memberi persepsi positif umum kepada tahap penyampaian perkhidmatan dan imej jabatan;
- 1.3 Penambahbaikan kemudahan perkhidmatan awam diharap dapat memberi kelonggaran dalam pemakaian ke pejabat MDA disamping membantu pegawai dalam meningkatkan mutu perkhidmatan serta mewujudkan persekitaran kerja yang lebih kondusif dan efektif;
- 1.4 Bagi menjelaskan mengenai Garis Panduan Pemakaian Santai Hari Jumaat (CFO).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 CFO dilaksanakan bagi mewujudkan alternatif tambahan daripada kod etika pemakaian kerja formal sedia ada kepada pemakaian yang lebih fleksibel untuk mewujudkan suasana kerja yang lebih santai dan selesa;
- 2.2 Pada asasnya, pelaksanaan kod etika pemakaian pegawai di MDA adalah seperti yang tertakluk dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia, Ceraian UP. 7.2.3 Etika Berpakaian dan Penampilan Pegawai Awam. Walau bagaimanapun, pelaksanaan CFO membenarkan pegawai untuk mengenakan pakaian kasual pada 1 hari dalam 1 minggu iaitu pada hari Jumaat.

3. TAFSIRAN

Bagi maksud surat pekeliling ini;

“**Pemakaian Santai Hari Jumaat**” merupakan kemudahan yang diberikan kepada pegawai untuk memakai pakaian kasual semasa bekerja di pejabat, dengan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan;

“**Pakaian kasual**” ertinya apa-apa pakaian santai yang bersesuaian disamping mengekalkan penampilan yang kemas dan sopan;

“**Garis Panduan Pemakaian Santai Hari Jumaat**” ertinya dokumen yang menggariskan panduan pemakaian dan kriteria penampilan yang dibenarkan dalam CFO;

“**Pegawai**” ertinya semua pegawai MDA termasuk lantikan Tetap, *Contract of Service (COS)*, *Contract for Service (CFS)* dan MySTEP.

4. PELAKSANAAN

Pelaksanaan CFO ini adalah berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:

- 4.1 CFO terpakai kepada semua pegawai MDA termasuk lantikan Tetap, *Contract of Service (COS)*, *Contract for Service (CFS)* dan MySTEP;
- 4.2 Hari CFO diberikan SATU (1) hari sahaja seminggu iaitu pada hari Jumaat. Etika kod pemakaian pada hari lain adalah pakaian formal penjawat awam;
- 4.3 Kemudahan CFO **dikecualikan** kepada pegawai yang mempunyai tugas rasmi seperti menghadiri mesyuarat/ seminar/ bengkel atau tugas kerja di dalam/luar pejabat pada hari Jumaat;
- 4.4 Bertanggungjawab dalam memastikan gaya pemakaian CFO mencerminkan keterampilan dan profesionalisma penjawat awam;
- 4.5 Pelaksanaan CFO hendaklah dipastikan tidak akan menjejaskan atau menyebabkan penyusutan kualiti penyampaian perkhidmatan dan prestasi kerja pegawai.

5. GARIS PANDUAN PEMAKAIAN SANTAI HARI JUMAAT

5.1 Pakaian Lelaki

- 5.1.1 Tanda nama perlu sentiasa dipakai (sekiranya diperlukan);
- 5.1.2 Mewarnakan rambut, rambut mencacak, *punk* atau *skinhead* adalah dilarang;
- 5.1.3 Memakai tali leher berkarakter kartun atau karakter-karakter lain adalah tidak dibenarkan;
- 5.1.4 Kemeja T (T-shirt) tidak berkolar, bercetakkan perkataan yang tidak sesuai, logo, gambar atau slogan berunsur politik, ganas, seram, lucah atau seumpamanya adalah dilarang;
- 5.1.5 "*Jeans*" atau seluar pendek tidak boleh dipakai semasa bekerja;
- 5.1.6 Berkuku panjang dan tidak bersih, nafas berbau atau mempunyai bau badan adalah dilarang;
- 5.1.7 Memakai selipar adalah dilarang;
- 5.1.8 Sentiasa mematuhi semua undang-undang, peraturan, pekeliling dan arahan yang berkuat kuasa.

5.2 Pakaian Perempuan

- 5.2.1 Tanda nama perlu sentiasa dipakai (sekiranya diperlukan);
- 5.2.2 Rambut yang tidak disisir rapi, mewarnakan rambut secara berlebihan tidak dibenarkan;
- 5.2.3 Berkuku panjang dan kotor, nafas berbau atau mempunyai bau badan adalah dilarang;
- 5.2.4 Pakaian yang ketat, jarang, skirt terlalu pendek, berleher luas atau fesyen yang tidak sesuai untuk ke pejabat adalah tidak dibenarkan;
- 5.2.5 *Blouse/* kemeja bercetakkan perkataan yang tidak sesuai, logo, gambar atau slogan berunsur politik, ganas, seram, lucah atau seumpamanya adalah dilarang;
- 5.2.6 Memakai selipar adalah dilarang;
- 5.2.7 "*Jeans*" atau seluar pendek tidak boleh dipakai semasa bekerja;
- 5.2.8 Sentiasa mematuhi semua undang-undang, peraturan, pekeliling dan arahan yang berkuat kuasa.

6. PENARIKAN BALIK KEMUDAHAN

- 6.1 Ketua Eksekutif MDA boleh pada bila-bila masa untuk menarik balik kemudahan ini sekiranya didapati telah menyebabkan penyampaian perkhidmatan terjejas atau kemudahan ini telah disalah gunakan.

7. PERTANYAAN

- 7.1 Sebarang pertanyaan mengenai garis panduan ini boleh rujuk kepada:

- a) Nurul Aini binti Surip
No. Telefon : 03-8230 0344
E-mel : nurulaini@mda.gov.my
- b) Norasnida binti Mokhlas
No. Telefon : 03-8230 0310
E-mel : norasnida@mda.gov.my


8. TARIKH PELAKSANAAN

- 8.1 Pelaksanaan surat pekeliling ini adalah berkuatkuasa dari tarikh pemakluman dalam perutusan Ketua Eksekutif MDA semasa sesi *Morning Briefing* MDA pada 27 Oktober 2023.
- 8.2 Pelaksanaan kepada semua pegawai MDA adalah tertakluk kepada perkara 5.1 dan 5.2 di atas.

Sekian. Terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(MURALITHARAN PARAMASUA)
Ketua Eksekutif
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia